



LenSa



Bandar Raya JB

BIL. 2/2019

MESRA BERKHIDMAT JUJUR BERBAKTI



MBJB ANJUR PROGRAM LARIAN AMAL 'XTRA ORDINARY RUN'



PERASMIAN PROGRAM RANCANGAN KAWASAN KHAS MBJB



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN, APC & SANJUNGAN BUDI

MBJB REBUT GELARAN JUARA PERTANDINGAN BOT BERHIAS 2019

SEMPENA KARNIVAL JAMBATAN SULTAN ISMAIL



QR code (penerbitan rasmi mbjb)



www.mbjb.gov.my



facebook.com/mbjbrasmi

**MAJLIS BANDARAYA
JOHOR BAHRU**

- 3 >> MBBJ ANJUR LARIAN AMAL 'X-TRAORDINARY RUN'
- 4 >> PERHIMPUNAN BULANAN MBBJ
- 5 >> KEJOHANAN CATUR ANTARABANGSA JOHOR BAHRU
- 6 >> PERASMIAN PROGRAM PUBLISITI & PENYERTAAN AWAM
DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR RAYA
JOHOR BAHRU 2030
- 7 >> SESI 'CLOCK OUT' PENGARAH JABATAN
BANGUNAN MBBJ
- 8 >> INFO LAWATAN
- 9 >> KULIAH DHUHA MUSLIMAT
- 10 >> SEKITAR... PROGRAM IHYA' RAMADAN 1440H
- 11 >> MAJLIS IFTAR BERSAMA DATUK BANDAR JOHOR BAHRU
- 12 & 13 >> MBBJ JUARA PERTANDINGAN BOT BERHIAS
- 14 >> FOKUS LENSA
- 15 >> IHSAN BANDAR RAYA
- 16 & 17 >> PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA 21
- 18 & 19 >> MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN, ANUGERAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG & SANJUNGAN BUD
- 20 & 21 >> MBBJ SANA SINI
- 22 >> MAJLIS PERASMIAN MINGGU KESELAMATAN &
KESIHATAN PEKERJA
- 22 >> MAJLIS 'TOPPING OFF' MENARA MBBJ
- 23 >> MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI PERINGKAT DAERAH
JOHOR BAHRU

PENAUNG

YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman
Datuk Bandar

PENASIHAT

Encik Abdul Malik bin Haji Ismail
Setiausaha

Ir. Puan Hajah Nazatul Shima
binti Mohamad
Timbalan Setiausaha

KETUA PENGARANG

Puan Fadzlina binti Abdul Malek

SIDANG PENGARANG

Puan Hidayah binti Yusof
Cik Nurul Shafina binti Shaari
Puan Norasmah binti
Mohd Adros

JURUFOTO

Haji Bahri bin Abdullah
Encik Romzi bin Yusof

URUS SETIA

Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan
Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru empat (4) kali setahun dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

DIREKTORI TELEFON MBBJ (AM)

| PEJABAT DATUK BANDAR | | JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN | | JABATAN LANDSKAP | |
|---|-------------|---|-----------------------------|--|-------------|
| Pejabat Am | 07-228 2600 | Pejabat Pengarah Khidmat Pengurusan | 07-219 8371 | Pejabat Ketua Pen. Pengarah Landskap | 07-228 2635 |
| PEJABAT SETIAUSAHA | | Bahagian Pentadbiran | 07-219 8359 | Bahagian Taman Awam | 07-228 2636 |
| Pejabat Am | 07-228 2625 | Bahagian Teknologi Maklumat | 07-219 8069 | Bahagian Arborikultur | 07-217 4575 |
| PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA | | Bahagian Sumber Manusia | 07-219 8183 | Bahagian Hortikultur | 07-216 7964 |
| Pejabat Am | 07-219 8105 | Bahagian Ukur Bahan & Kontrak | 07-219 8097 | JABATAN KEJURUTERAAN | |
| BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM | | Unit Dasar, Inovasi & Latihan | 07-219 8171/ 07-219 8114 | Pejabat Pengarah Kejuruteraan | 07-228 2596 |
| Pejabat Pengarah Korporat & Perhubungan Awam | 07-219 8060 | Unit Mesyuarat | 07-228 2610 | Pejabat Am | 07-228 2597 |
| Unit Perhubungan Awam (Aduan) | 07-219 8061 | JABATAN KEWANGAN | | Bahagian Pengangkutan Bandar | 07-227 7235 |
| Unit Korporat & Penerbitan | 07-219 8052 | Pejabat Pengarah Kewangan | 07-219 8091 | Bahagian Kejuruteraan Awam | 07-219 8131 |
| Unit Penswastaan & Pelaburan | 07-228 2627 | Bahagian Hasil | 07-219 8050 | Bengkel Kejuruteraan Awam (Taman Mount Austin) / UTC | 07-351 1503 |
| BAHAGIAN AUDIT DALAM | | Bahagian Perbelanjaan | 07-219 8093 | Unit Mekanikal & Elektrikal (Taman Mount Austin) | 07-351 3262 |
| Pejabat Am | 07-219 8311 | Unit Letak Kereta | 07-219 8077 | Bahagian Saliran & Pengurusan Sungai | 07-219 8125 |
| BAHAGIAN UNDANG-UNDANG | | JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA | | JABATAN KESIHATAN | |
| Pejabat Penasihat Undang-Undang | 07-219 8302 | Pejabat Pengarah Penilaian | 07-219 8223 | Pejabat Pengarah Kesihatan | 07-228 2619 |
| Pejabat Am | 07-219 8305 | Bahagian Penilaian | 07-227 1055 | Bahagian Kesihatan Awam | 07-228 2564 |
| Pejabat Am (Mahkamah Bandaraya Johor Bahru) | 07-228 2643 | Bahagian Pengurusan Harta | 07-223 8469 | Klinik Bandaraya (JOTIC) | 07-228 2630 |
| BAHAGIAN INTEGRITI | | Bahagian Tunggakan Cukai Harta & Caj Pemajuan | 07-222 9962 | Bahagian Kesihatan Alam Sekitar | 07-228 2605 |
| Pejabat Am | 07-219 8117 | JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN | | JABATAN PELESENAN | |
| BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB) | | Pejabat Pengarah Perancangan | 07-227 1029 | Pejabat Pengarah Pelesenan | 07-228 2563 |
| Pejabat Am | 07-223 8531 | Bahagian Kawalan Perancangan | 07-219 8218 | Bahagian Pelesenan | 07-228 2501 |
| UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC) | | Bahagian Rancangan Pemajuan | 07-219 8245 | Bahagian Penjaja | 07-227 7576 |
| Pejabat Am | 07-222 4923 | JABATAN BANGUNAN | | Unit Iklan | 07-228 2562 |
| BAHAGIAN PENGUATKUASAAN | | Bahagian Kawalan Bangunan | 07-228 2511 | JABATAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN | |
| Pejabat Am | 07-219 8229 | Bahagian Penguatkuasaan Bangunan | 07-219 8237 | Pejabat Pengarah Kemasyarakatan | 07-223 1026 |
| Direktorat Penguatkuasa (Segget) | 07-226 1025 | Bahagian Projek Bangunan | 07-219 8145 | Bahagian Sukan & Pelancongan | 07-224 6708 |
| | | | | Bahagian Sosial & Kebudayaan | 07-224 4139 |
| | | | | Perpustakaan Sultan Ismail | 07-239 1791 |



'X-TRAORDINARY RUN'

Larian Amal Sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor & Sambutan Hari Sindrom Down Sedunia 2019

Teks oleh: Mohd Shamsul Abdullah



6 APRIL 2019 - Larian amal 'X-Traordinary Run' anjuran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan program JB Wake Up! Car Free Day telah berjaya menghimpunkan seramai 2,000 peserta yang turut meraikan Sambutan Hari Sindrom Down Sedunia 2019 dan bersempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor. Larian amal ini telah mencapai objektif program bagi mendekati orang ramai dengan golongan orang kelainan upaya (OKU) yang sekali gus mempromosi amalan gaya hidup unggul (*best practices*) serta menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan mesra alam.

Larian sejauh lima kilometer di kawasan pusat bandar raya bermula di hadapan bangunan MBBJ ini diadakan dengan kerjasama Malaysian Medics International (MMI), Persatuan Sindrom Down Negeri Johor serta Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita) dan dilancarkan oleh YAD Datin Hajah Nora Mohd Som, Isteri Menteri Besar Johor serta YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru.

Turut diadakan sesi penyerahan sumbangan berjumlah RM 130,500.00 daripada pihak Yayasan Bandaraya Johor Bahru, Puspanita Johor, Malaysian Medics International, Kumpulan Penggerak Ibu Bapa Komuniti Daerah Johor Bahru dan Persatuan Perkhidmatan Bandaraya Johor Bahru kepada Persatuan Syndrome Down Negeri Johor, Persatuan Pelajar Cacat Negeri Johor dan Persatuan Cerebral Palsy.





PERHIMPUNAN BULANAN

Majlis Bandaraya Johor Bahru



Teks oleh: Nurul Shafina Shaari



9 APRIL 2019 – Perhimpunan bulanan pertama bagi tahun ini melibatkan pengurusan tertinggi, Ahli Majlis dan seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Menerusi perhimpunan ini, YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru telah memperkenalkan Setiausaha MBJB yang baharu iaitu Encik Abdul Malik bin Haji Ismail yang telah memulakan tugas di MBJB pada 3 Februari 2019.



Menerusi amanat yang disampaikan, Datuk Bandar Johor Bahru berkesempatan mengutarakan beberapa isu antaranya pencemaran alam sekitar yang menjejaskan Sungai Kim Kim, penganjuran program sempena sambutan Jubli Perak MBJB, kejayaan program 'Car Free Day' dan penglibatan warga bandar raya Johor Bahru dalam program anjuran MBJB.

Selain itu, YB Datuk Bandar juga membicarakan isu mengenai Revolusi Industri 4.0 serta galakan penggunaan teknologi IT mengikut peredaran masa kini dan isu penjagaan kebersihan di tandas awam dan premis makanan. Selain itu, kebersihan persekitaran pejabat melalui penerapan amalan EKSA juga perlu dipupuk oleh semua anggota agar suasana yang lebih kondusif dapat diwujudkan, di samping meningkatkan imej korporat, kreativiti dan inovasi dalam kalangan warga kerja MBJB.

YB Datuk Bandar juga berbesar hati menyampaikan penghargaan kepada anggota-anggota yang telah berjaya menerima pengiktirafan bagi Anugerah 10 Kumpulan Terbaik Sektor Awam dan Projek Terbaik dalam Malaysia di *International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2018* di Singapura.





Kejohanan CATUR ANTARABANGSA

memantapkan kemahiran berfikir generasi muda

Teks oleh: Norazura binti Ab Wahab



12 & 13 APRIL 2019 – Perpustakaan Sultan Ismail dengan kerjasama Cerdik Catur Enterprise dan Persatuan Catur Negeri Johor telah menganjurkan Kejohanan Catur Antarabangsa Johor Bahru bersempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi DYMM Sultan Johor bertempat di Dewan Muafakat Johor Taman Adda, Johor Bahru.

Sebanyak tiga kategori dipertandingkan dalam kejohanan ini iaitu kategori terbuka (*fide rapid*), kategori bawah 17 tahun dan bawah 12 tahun. Pembukaan kejohanan ini telah disempurnakan oleh Encik Andrew Erickson a/l A.H Pereira, Ahli Majlis Zon Dato' Onn. Bagi kategori bawah 17 tahun dan bawah 12 tahun, kejohanan catur berlangsung pada 12 April 2019, manakala pada 13 April 2019, berlangsung pula kejohanan bagi kategori terbuka.



Sesi penyampaian hadiah keseluruhan berjumlah RM 23,245.00 kepada semua pemenang telah disempurnakan oleh Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru. Hadiah bagi kategori khas dan terbaik berupa medal dan trofi juga turut diberikan kepada peserta yang menyertai kejohanan ini.

Kejohanan catur bertaraf antarabangsa dan kedua terbesar di Malaysia selepas *Pahang Open* ini menyasarkan jumlah penyertaan seramai 220 peserta dari dalam dan luar negara termasuklah Filipina, Uzbekistan, India dan Indonesia.



Program Publisiti & Penyertaan Awam

DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS

Bandar Raya Johor Bahru 2030 (Stulang, Pelangi, Larkin & Bandar Baru Uda)



30 APRIL 2019 – Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menganjurkan program Publisiti & Penyertaan Awam Draft Rancangan Kawasan Khas Bandar Raya Johor Bahru 2030 melibatkan rancangan kawasan di Stulang, Pelangi, Larkin dan Bandar Baru Uda bertempat di Hotel Thistle, Johor Bahru. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Tan Chen Choon, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar. Turut hadir dalam program tersebut ialah YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Ahli Parlimen Johor Bahru, Encik Mohd Izhar bin Ahmad, ADUN Larkin, Encik Andrew Chen Kah Eng, ADUN Stulang, YB Dato' Haji Amran bin A.Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru, Ahli-Ahli Majlis MBBB dan barisan jawatankuasa penduduk (JKKP) di zon masing-masing.

Rancangan Kawasan Khas (RKK) adalah suatu bentuk rancangan pemajuan yang disediakan bagi suatu kawasan yang dipilih secara khusus untuk tindakan pembangunan segera. RKK bertujuan memajukan, memajukan semula, memperelok lagi, memulihara dan pengurusan sesuatu kawasan (sebagaimana peruntukan Seksyen 16B, Akta 172).

Asas dan rasional penyediaan RKK ini dilihat berdasarkan tiga aspek iaitu isu utama, potensi utama dan wawasan. Hal ini kerana terdapat beberapa kawasan kajian yang masih dalam keadaan kurang terurus. Oleh itu, penyediaan pelan tindakan pembangunan yang efektif dapat menghidupkan kembali kawasan kejiranan lama bagi peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.





Nama: Ibrahim bin Hamdan
 Jawatan: Arkitek JS2 / Pengarah
 Jabatan: Jabatan Bangunan
 Tarikh lantikan: 1 Januari 1991
 Tarikh bersara: 12 Mei 2019
 Tempoh berkhidmat: 28 tahun 4 bulan
 Umur: 60 tahun

SELAMAT BERSARA

Tuan Haji Ibrahim bin Hamdan

Sesi 'Clock Out' Pengarah Bangunan, Tanda Penghargaan Jasa

12 MEI 2019 – Genap 28 tahun 4 bulan perkhidmatannya di Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Tn. Hj. Ibrahim bin Hamdan, Pengarah Bangunan akhirnya mengucapkan selamat tinggal kepada warga kerja organisasi ini pada usianya yang ke-60 tahun.

Tn. Hj. Ibrahim diraikan dalam majlis perpisahan penuh sederhana bagi mengenang jasa dan sumbangan beliau selama berkhidmat di Majlis Bandaraya Johor Bahru. Sesi clock out atau rekam keluar beliau telah dihadiri oleh anggota MBJB termasuklah barisan ketua jabatan dan bahagian serta warga kerja MBJB.

Warga kerja MBJB mengucapkan selamat bersara dan terima kasih atas khidmat bakti Tn. Hj. Ibrahim bin Hamdan yang telah disumbangkan dengan cemerlang untuk Majlis Bandaraya Johor Bahru. Jasamu dikenang...



Sekitar... MAJLIS JAMUAN PERPISAHAN TN. HJ. IBRAHIM BIN HAMDAN



INFO LAWATAN

LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI ...



Tarikh: 2 April 2019

Objektif: Mempelajari sistem perundangan yang diamalkan di Jabatan Pelesenan dan dasar-dasar bagi lesen penaja dan bazar.

Jumlah peserta: 24 orang

Jabatan terlibat: Jabatan Pelesenan, Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Penguatkuasaan dan Bahagian Undang-Undang.

LAWATAN KEHORMAT DARIPADA KONSULAT JENDRAL REPUBLIK INDONESIA ...



Tarikh: 4 April 2019

Objektif: Lawatan daripada Konsulat Jendral bertemu Datuk Bandar Johor Bahru yang telah berakhir tugas di Johor Bahru sebelum berpindah ke Indonesia. Kunjungan ini juga bertujuan mengeratkan lagi silaturahim dan hubungan kerjasama antara dua negara.

LAWATAN DARI DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA ...



Tarikh: 16 April 2019

Objektif: Mempelajari tugas berkaitan pengurusan, pengendalian serta maklum balas terhadap aduan awam.

Jumlah peserta: 18 orang

Jabatan terlibat: Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam.

LAWATAN DARI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR ...



Tarikh: 23 April 2019

Objektif: Mempelajari kaedah pengurusan tender dan sebut harga yang diamalkan di MBBJ.

Jumlah peserta: 12 orang

Jabatan terlibat: Bahagian Ukur Bahan & Kontrak dan Bahagian Teknologi Maklumat.

LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI ...



Tarikh: 24 April 2019

Objektif: Mempelajari pengendalian sistem e-PBT yang dipraktikkan di MBBJ.

Jumlah peserta: 8 orang

Jabatan terlibat: Jabatan Penilaian dan Bahagian Teknologi Maklumat.



KULIAH DHUHA

Muslimat

'Wanita dan Media Sosial'

Teks oleh: Yusuf Hasni bin Haji Montalib



21 MEI 2019 – Kuliah Dhuha Muslimat kali ini menampilkan penceramah jemputan iaitu Al-Fadhilah Ustazah Noor Laila Aniza binti Zakaria yang merupakan seorang pakar motivasi korporat, pelatih (*trainer*) dan personaliti televisyen. Program berbentuk bual bicara berjudul 'Wanita dan Media Sosial' ini diadakan bertempat di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Johor Bahru dan menyasarkan semua anggota wanita MBBJ dan Ahli Puspanita MBBJ. Penganjuran program ini membuka ruang bagi perkongsian ilmu pengetahuan mengenai etika seorang muslimah untuk menjaga adab dan perlakuan seiring syariat Islam terutamanya apabila menggunakan media sosial sebagai medium hiburan diri.



1



Program 'Marhaban Ya Ramadan' oleh Al-Fadhil Ustaz Esby Islami bin Rifai

Tarikh : 25 April 2019 (Khamis)



2



Program Bacaan Ratib Al-Attas dan Asmaul Husna Bersama Pembimbing Jemputan Al-Fadhil Ustaz Imam Zahid bin Naim (Imam Masjid Pasir Pelangi Johor Bahru)

Tarikh : 9 Mei 2019 (Khamis)

3



Program Tadarus Perdana Peringkat MBJB

Tarikh: 14 & 15 Mei 2019 (Selasa & Rabu)



5



Program Masak dan Edar Bubur Lambuk Anjuran Kelab EXCEL MBJB dan Unit Hal Ehwal Islam MBJB

Tarikh: 22 Mei 2019 (Rabu)

6



Program Pembudayaan Al-Quran dan Ceramah Badar Kubra oleh Al-Fadhil Ustaz Luqmanul Hakim Ab Rahman Al-Iskandarami (Pegawai Majlis Agama Islam Johor & Lulusan Universiti Al-Azhar, Mesir dan Mutawif Kembara Umrah JDT)

Tarikh: 23 Mei 2019 (Khamis)

Sekitar Program

IHYA' RAMADAN

1440H / 2019M

'Jalan Menuju Ketakwaan'

4



Program 'Daurah Ramadan: Tadabbur Surah Al-Muzammil' oleh Al-Fadhil Ustaz Fakhurrazi bin Abu Bakar (Penceramah Bebas Lulusan Universiti Yarmouk, Jordan dan Mutawif Kembara Umrah JDT)

Tarikh: 20 Mei 2019 dan 27 Mei 2019 (Isnin)



7



Program Wacana Ilmu Surah Al-Kahfi dan Surah Al-Hujurat bersama penceramah jemputan Al-Fadhil Ustaz Mohd Elyas Ismail (Personaliti Dakwah Radio & Rancangan TV, Astro, Al-Hijrah, TV3, TV9, RTM dan Motivator)

Tarikh: 28 Mei 2019 (Selasa)



8



Program Pembudayaan Al-Quran & Ceramah Khas Ramadan bertajuk 'Armageddon...Bersediakah Kita' oleh Al-Fadhil Ustaz Mohamad Wadi Annuar bin Ayub (Penceramah Bebas / Pengerusi Akademi Darul Iftak)

Tarikh: 30 Mei 2019 (Khamis)



MAJLIS IFTAR BERSAMA DATUK BANDAR & PEMBERIAN SUMBANGAN KEPADA ASNAF

Sempena bulan Ramadan al-Mubarak 1440H, Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan kerjasama Yayasan Bandaraya Johor Bahru telah menganjurkan program berbuka puasa bersama Datuk Bandar Johor Bahru dan pemberian sumbangan kepada asnaf di masjid dan surau terpilih. Program ini bertujuan meringankan beban golongan asnaf sempena menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri pada tahun 2019 ini. Sumbangan ini telah disampaikan oleh YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru.



Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan kepada Asnaf di Masjid Kampung Plentong Baru

16 Mei 2019 – Seramai 150 asnaf menerima sumbangan berbentuk wang tunai RM100 dan barangan keperluan harian yang telah disampaikan oleh Datuk Bandar Johor Bahru.



Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan kepada Asnaf di Masjid Jamek Al-Makmur, Taman Bukit Tiram

23 Mei 2019 – Datuk Bandar Johor Bahru berbesar hati menyampaikan sumbangan kepada 100 asnaf yang menerima wang tunai RM100 dan barangan keperluan harian. Turut hadir dalam majlis tersebut, Encik Shamsul bin Bakri, Ahli Majlis Zon Tiram, Encik Rosli bin Kemin, Ahli Majlis Zon Kg. Melayu, Encik Aminuddin bin Ayiub, Ahli Majlis Zon Teluk Danga, Pengerusi Masjid Jamek Al-Makmur Taman Bukit Tiram dan ketua jabatan MBJB.



Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan kepada Asnaf di Surau An-Nur Taman Stulang Laut

30 Mei 2019 – Sumbangan wang tunai RM100 dan barangan keperluan harian telah disampaikan oleh Datuk Bandar Johor Bahru kepada sejumlah 35 asnaf terpilih di kawasan kariah berkenaan. Antara jemputan yang hadir ke majlis tersebut ialah Encik Abd Aziz bin Abd Talib, Ahli Majlis Zon Larkin, Encik Rosli bin Kemin, Ahli Majlis Zon Kg. Melayu, Encik Mohd Yunus Omar, Pengerusi Surau An-Nur Taman Stulang Laut dan ketua jabatan MBJB.





Juara **MBJB** PERTANDINGAN BOT BERTIAS Karnival Jambatan Sultan Ismail 2019

Teks oleh: Nurul Shafina Shaari

MUAR, 19 APRIL 2019 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) meraih gelaran juara dalam Pertandingan Bot Bertias Karnival Jambatan Sultan Ismail sempena sambutan hari ulang tahun keputeraan rasmi DYMM Sultan Johor di Bandar Maharani, Bandar Diraja, Muar. MBJB memperoleh peratusan markah sebanyak 90.6% dan berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM 7,000.00 berserta piala. *Team MBJB* yang diwakili anggota dari Jabatan Landskap telah mempersembahkan hiasan bot berkonsepkan 'Bahtera Selatan' yang menampilkan ciri-ciri unik yang terdapat di bandar raya Johor Bahru.

Karnival ini telah dirasmikan oleh YAM Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah binti Sultan Ibrahim wakil rasmi kepada DYMM Sultan Johor. Turut hadir memeriahkan acara tersebut ialah Datuk Dennis Muhammad Abdullah, YAB Dato' Dr. Sahrudin bin Jamal, Menteri Besar Johor dan barisan dif kehormat yang lain.

Sebanyak 20 buah bot bertias (mewakili agensi kerajaan dan mukim) turut serta dalam acara ini, antaranya Majlis Perbandaran Muar, Majlis Perbandaran Kulai, Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Kluang, Jabatan Parit & Saliran Muar, Jabatan Kerja Raya Muar, Polis Marin Muar dan banyak lagi.





Sekitar ... *Pertandingan* BOT BERHIAS

KARNIVAL JAMBATAN SULTAN ISMAIL
2019

 Lokasi : Bandar Maharani, Bandar Diraja, Muar





Pertandingan 'Young Maker Challenge @ American Corners' di Perpustakaan Sultan Ismail, Johor Bahru



Program Agihan Bubur Lambuk dengan Kerjasama PPBJB, ANULAE MBBJ, Pusanita MBBJ, Car Free Day dan Nestle



23 April 2019 – Program yang dianjurkan Universiti Teknologi Malaysia menerusi Pusat Inovasi dan Keusahawanan Teknologi UTM dengan kerjasama Kedutaan Amerika Syarikat (AS) ini bertujuan memupuk minat dalam bidang sains dan teknologi dalam kalangan generasi muda terutamanya pelajar dalam kategori keluarga B40. Tunut hadir, En. Mohamad Khairulnizar bin Esa, wakil Datuk Bandar Johor Bahru dan En. Bradley A. Hurst, selaku Kauncelor Hal Ehwal Awam Kedutaan AS.

26 Mei 2019 – Pek bubur lambuk ini telah diedarkan oleh YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru, Datin Hajah Norliza binti Hashim, isteri kepada Datuk Bandar Johor Bahru, Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBBJ, ketua-ketua jabatan dan ramai lagi. Sebanyak 1,800 pek bubur lambuk dari enam buah buah berjaya dihasilkan untuk diedarkan kepada orang ramai. Program ini diadakan dengan kerjasama Persatuan Perkhidmatan Bandaraya Johor Bahru (PPBJB), ANULAE MBBJ, Pusanita MBBJ, Car Free Day dan Nestle.

FOKUS



Program Edaran Dodol 'Drive-Thru' kepada Warga Bandar Raya Johor Bahru



Mailis Penyerahan Sumbangan kepada Anggota MBBJ yang bertugas pada 1. Syawal, Hari Raya Aidilfitri



2 Jun 2019 – Bagi menghargai anggota MBBJ yang bertugas pada hari raya pertama Aidilfitri tahun ini, sebuah sesi penyampaian sumbangan oleh YB Datuk Bandar Johor Bahru kepada seramai 88 anggota yang terlibat telah diadakan sebagai tanda penghargaan atas komitmen yang diberikan.

26 Mei 2019 – MBBJ telah mengadakan program agihan dodol secara pandu lalu atau 'drive-thru' untuk tahun kedua berturut-turut kepada warga bandar raya Johor Bahru. Seramai 90 anggota MBBJ terlibat bagi menyiapkan pembungkusan sebanyak 4,000 pek dodol dari sembilan kawah dodol yang disediakan.



IHSAN BANDAR RAYA

Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan kerjasama Yayasan Bandaraya Johor Bahru berkesempatan mengadakan sesi penyampaian bantuan Hari Raya Aidilfitri berupa barangan keperluan harian kepada masyarakat yang kurang berkemampuan di lokasi terpilih sekitar bandar raya Johor Bahru. Sumbangan ihsan ini diberikan bertujuan mengurangkan bebanan penerima yang akan menyambut perayaan Aidilfitri pada tahun ini.

Sekitar...

Penyampaian Bantuan Hari Raya oleh Pihak Yayasan Bandaraya Johor Bahru



Penyampaian Bantuan Hari Raya di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim
Tarikh: 26 Mei 2019



Penyampaian Bantuan Hari Raya di Dewan Serbaguna Plentong Baru
Tarikh: 28 Mei 2019



Penyampaian Bantuan Aidilfitri (Anggota MBBJ) di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim
Tarikh: 30 Mei 2019



Penyampaian Bantuan Hari Raya di Dewan Nibong Taman Daya
Tarikh: 31 Mei 2019

Program Ideas 2019 (Zon Kg. Baru) di SMK Mohd Khalid
Tarikh: 13 April 2019.



Gotong-Royong Pertama Zon Kg. Melayu-Taman Suria
di SMK Taman Suria
Tarikh: 20 April 2019



Gotong-Royong Zon Bandar Baru Uda di Taman Casa Impian
Tarikh: 20 April 2019



Program ZON AHLI MA



Karnival Semarak Ramadan Bersama Prihatin Bandaraya
Zon Bakar Batu di Pangsapuri Desa Melayu
Tarikh: 20 April 2019



Program Rice Clean Up Zon Bakar Batu di Jeti Nelayan
Kg. Bakar Batu
Tarikh: 27 April 2019



Gotong-Royong dan Sumbangan kepada Asnaf Zon Taman
Molek di Kg. Pandan Jalan Persiaran Bumi Hijau
Tarikh: 1 Mei 2019



Majlis Perjumpaan Penduduk Bersama Ahli Majlis Zon Taman Abad
Tarikh: 4 Mei 2019



Majlis Ramah Mesra dan Taklimat kepada Peninggi Zon Kg. Melayu di Medan Niaga Kg. Melayu
Tarikh: 4 Mei 2019



8

Program Search and Destroy (SND) Zon Taman Pelangi-Taman Sentosa di Jalan Sri Pelangi
Tarikh: 4 Mei 2019



9

JLIS & LAZ1



Majlis Penyampaian Bantuan Hari Raya di Kg. Dato' Sulaiman Menteri Zon Bakar Batu
Tarikh: 24 Mei 2019



10

Program Edar Bubur Lambuk dan Berbuka Pusa Bersama Pemimpin Zon Larkin di Rumah Pangsa Sri Amgerah
Tarikh: 25 Mei 2019



11

Program Kacau Dodol Zon Kempas di Pangsapuri Perumahan Rakyat Kempas
Tarikh: 25 Mei 2019



12

Program Mesra Penduduk Zon Taman Molek
Tarikh: 15 Jun 2019



13

Sambutan Hari Raya Penduduk Zon Taman Sentosa
Tarikh: 15 Jun 2019



14



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang & Sanjungan Budi

Rai Anggota Cemerlang

Teks oleh: Nurul Shafina Shaari

20 JUN 2019 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Sanjungan Budi bertempat di Dewan Muafakat Johor, Taman Adda, Johor Bahru bagi meraikan dan menyampaikan anugerah kepada warga kerja MBJB yang telah berkhidmat dengan cemerlang sepanjang tahun 2018.

Seramai 113 anggota MBJB dari pelbagai jabatan telah menerima APC berdasarkan prestasi cemerlang pada tahun 2018. Sementara itu, seramai 14 anggota MBJB yang telah berkhidmat selama 25 tahun secara tetap dalam organisasi ini turut diberikan Anugerah Khidmat Bakti serta tidak lupa juga kepada sejumlah 44 orang pesara dan bakal pesara yang menerima hadiah persaraan. Kesemua hadiah penghargaan dan sijil telah disampaikan oleh YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru diiringi Encik Abdul Malik bin Haji Ismail, Setiausaha MBJB dan Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBJB.

Majlis ini diserikan dengan kehadiran YB Dato' Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor yang turut berkesempatan menyampaikan amanatnya yang mengandungi nasihat kepada seluruh warga kerja MBJB agar sentiasa menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran teknologi yang relevan dengan keperluan masyarakat dan arus pembangunan masa kini. Beliau turut berbesar hati menyampaikan beberapa anugerah utama kepada anggota yang terpilih. Antara anugerah yang disampaikan oleh beliau ialah Anugerah Penghargaan Khas Pencapaian Sukan kepada Encik Ahmad Alrafai bin Ali (Jabatan Landskap) yang telah bergelar Juara Dunia dalam Pertandingan Memanah Klasik di Turki baru-baru ini. Tuan Haji Ibrahim bin Hamdan (Pengaroh Bangunan) terpilih menerima Anugerah Khas Datuk Bandar, manakala Anugerah Pekerja Ikon berjaya dimiliki oleh Encik Abdul Karim bin Ismail (Jabatan Kejuruteraan).



Tahniah dan jutaan terima kasih diucapkan kepada semua penerima anugerah dan warga kerja yang setia dan berdedikasi dalam usaha memberikan perkhidmatan terbaik dan cemerlang kepada organisasi MBJB dan masyarakat.



Sekitar ...
**Majlis Perhimpunan Bulanan,
 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
 &
 Sanjungan Budi**





Taklimat mengenai 'Chemical, Biological, Radiological, Nuclear and Explosive' (CBRNE) di Hotel Amari Johor Bahru

Tarikh: 3 April 2019



Program Pembudayaan Al-Quran dan Ceramah Israk Mikraj di Dewan Jubli Intan Tarikh: 4 April 2019



Program 'IBD Blueprint Gazettement' di Menara Jland Johor Bahru

Tarikh: 16 April 2019



Tinjauan YB Exco Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi Negeri Johor di pusat bandar Johor Bahru Tarikh: 16 April 2019



'Dataran Recreational Day' di Dataran Bandaraya Johor Bahru

Tarikh: 19 April 2019



Tour de Iskandar 2019' di Jalan Sg. Chat Johor Bahru

Tarikh: 19 April 2019



Program 'Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit'

Tarikh: 23 April 2019





Larian Amal 'Young Malaysia Movement' (YMM) di Dataran Bandaraya Johor Bahru
Tarikh: 1 Mei 2019



Lawatan Menteri Besar dan Datuk Bandar Johor Bahru ke Bazar Ramadan Ulu Tiram
Tarikh: 12 Mei 2019



Majlis Berbuka Puasa Permaisuri Johor Bersama Anak Yatim dan Ibu Tunggal di Persada Johor
Tarikh: 21 Mei 2019



Program Menyantuni Komuniti Terpinggir 'Masih Ada Sinar' di Anjung Singgah, Yayasan Kebajikan Negara (Johor) dan sekitar pusat bandar Johor Bahru
Tarikh: 28 Mei 2019



Majlis Khatam Al-Quran dan Sesi 'Bedah Buku Bercahak Dengan Cermin' di Perpustakaan Sultan Ismail
Tarikh: 29 Mei 2019



Sidang Media Program 'MBJB Colour Run' di Bilik Mesyuarat Utama MBBJB
Tarikh: 29 Mei 2019



Perasmian Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

16 JUN 2019 – Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mengadakan sesi Perasmian Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerja yang telah dirasmikan oleh YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru. Turut hadir ialah para penceramah dari *National Institute of Occupational Health & Safety (NIOSH)* yang memberi taklimat dan penerangan berkenaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan selama seminggu kepada warga kerja MBBJ dan organisasi yang lainnya. Pelaksanaan minggu keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini bertujuan menerepkan kesedaran kepada para pekerja untuk mematuhi polisi keselamatan semasa melakukan pekerjaan. Selain itu, program ini dijangka dapat memberi galakan terhadap amalan budaya kerja yang sihat dan sejahtera dalam kalangan pekerja sesebuah organisasi.



Majlis 'Topping Off'

Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru

23 JUN 2019 – YAB Dato' Dr. Sahrudin bin Jamal, Menteri Besar Johor berkesempatan hadir merasmikan Majlis 'Topping Off' Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) di One Bukit Senyum, Johor Bahru. Acara ini secara tidak langsung menandakan bahawa projek pembinaan Menara MBBJ telah menghampiri fasa akhirnya. Menara MBBJ merupakan bangunan pentadbiran baharu organisasi ini yang dijangka beroperasi pada awal tahun 2020.

YAB Menteri Besar Johor juga mengucapkan tahniah kepada organisasi MBBJ dan pihak Astaka Padu atas kejayaan membangunkan salah sebuah bangunan yang akan menjadi mercu tanda ikonik di bandar raya Johor Bahru. Beliau juga berharap agar perpindahan pusat pentadbiran ke bangunan pejabat baharu di One Bukit Senyum ini dapat meningkatkan lagi produktiviti perkhidmatan yang akan diberikan kepada masyarakat.



Beliau juga diiringi melawat ke sekitar tapak Menara MBBJ bagi melihat proses akhir kerja-kerja pembinaan menara tersebut yang masih dalam pelaksanaan. Turut mengiringi YAB Menteri Besar Johor ialah YB Tuan Tan Chen Choon, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar, YB Dato' Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor dan YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru.



MAJLIS
Sambutan Hari Raya Aidilfitri
PERINGKAT DAERAH JOHOR BAHRU



26 JUN 2019 – Buat julung-julung kalinya, Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Daerah Johor Bahru telah diadakan di Kompleks Sukan Educity Iskandar Puteri, Johor. Majlis tersebut adalah penganjuran bersama Pejabat Daerah Johor Bahru, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan Yayasan Pelajaran Johor. Majlis tersebut turut diserikan dengan keberangkatan DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Turut mengiringi baginda ialah YAB Menteri Besar Johor, YB Setiausaha Kerajaan Johor, barisan Exco dan ramai lagi. Seramai 3,000 jemputan hadir meraikan majlis yang diadakan secara besar-besaran melibatkan gabungan beberapa organisasi yang berkenaan.



JADUAL WAKTU OPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

PEJABAT UTAMA MBBJ & JOTIC

☎ 07-219 8000

AHAD-RABU
8.00 PAGI - 5.00 PETANG

KHAMIS
8.00 PAGI - 3.30 PETANG

WAKTU REHAT
1.00 TENGAH HARI - 2.00 PETANG

JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM
TUTUP

KAUNTER SETEMPAT MBBJ

AHAD-RABU
8.00 PAGI - 5.00 PETANG

KHAMIS
8.00 PAGI - 3.30 PETANG

JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM
TUTUP

PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)

☎ 07-386 1535

AHAD-RABU
9.00 PAGI - 4.00 PETANG

KHAMIS
9.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI

JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM
TUTUP

PEJABAT CAWANGAN JOHOR JAYA

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ, Pembaharuan Lesen Iklan, Perniagaan & Penjaja, Permohonan Pindah Milik (Borang I), Bayaran Sewa Geral, Semakan & Permohonan Sewaan Dewan, Jualan Kupon Letak Kereta dan Aduan Awam)

☎ 07-357 3314

AHAD-RABU
9.00 PAGI - 4.00 PETANG

KHAMIS
9.00 PAGI - 3.00 PETANG

JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM
TUTUP

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)

☎ 07-351 1503

AHAD - KHAMIS
1.00 TENGAH HARI - 10.00 MALAM

JUMAAT & SABTU
8.00 PAGI - 5.00 PETANG

WAKTU REHAT
7.00 MALAM - 8.00 MALAM (AHAD-KHAMIS) &
12.15 TENGAH HARI - 2.45 PETANG (JUMAAT SAHAJA)

KELEPASAN AM
TUTUP

KAUNTER BERGERAK

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)
Sila layan laman web MBBJ (www.mbjb.gov.my) untuk jadual perkhidmatan terkini

NO. TEL WAKTU PEJABAT
07-219 8077

NO. TEL WAKTU URUSAN KAUNTER BERGERAK
019-720 3290

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

Membenkan Perkhidmatan Pelanggan
Yang Efisien dan Mesra Kepada Pelanggan

WAKTU OPERASI KAUNTER PANDU BAYAR

(Bayaran Cukai Harta & Kompaun MBBJ Sahaja)

JAN, FEB, JULAI & OGOS

| | |
|--------------------|------------------------------|
| AHAD - RABU | 9.00 PAGI - 4.00 PETANG |
| KHAMIS | 9.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI |

TUTUP : JUMAAT, SABTU & CUTI UMUM

MAC, APR, MEI, JUN, SEPT, OKT, NOV & DIS

| | |
|--------------------|-------------------------|
| DIBUKA PADA | 9.00 PAGI - 4.00 PETANG |
| AHAD SAHAJA | |

TUTUP : ISNIN HINGGA SABTU & CUTI UMUM

Tel : 07-219 8008

(Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan MBBJ)



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Peti Surat 232, Jalan Dato' Onn,
80720 Johor Bahru, Johor.

No. Tel : 07-219 8000 Faksimile: 07-223 0619
Talian Bebas Tol: 1-300-88-0146
Whatsapp Aduan: 019-778 8212
Laman SISPA: mbjb.spab.gov.my
E-mel: info@mbjb.gov.my

ISSN 2637-1014



9 772637 101009